

Malaysia akan syor rangkaian universiti NAM

9 SEP 1986

KUALA LUMPUR, Isnin — Malaysia mungkin mengemukakan cadangan mewujudkan satu rangkaian universiti-universiti antara-bangsa di negara anggota Pergerakan Berkecuali (NAM) sebagai usaha menampung keperluan pelajaran tinggi rakyat negara membangun, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Perdana Menteri berkata, langkah itu penting kerana antara 300,000 dan 400,000 pelajar dari negara-negara membangun melanjutkan pelajaran tinggi di universiti-universiti negara maju.

"Kajian kita menunjukkan bahawa pelajar-pelajar itu membawa jutaan ringgit pertukaran asing ke negara-negara maju sedangkan negara-negara berkenaan sudah pun kaya," katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berpendapat amat berfaedah sekiranya rangkaian universiti antarabangsa itu dapat diadakan di negara-negara NAM.

Menurutnya masalah pelajar-pelajar itu adalah salah satu bidang yang patut diberi perhatian oleh negara-negara

anggota dan Malaysia mungkin membangkitkan perkara ini di persidangan akan datang.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata mungkin untuk permulaan, rangkaian itu akan menghadapi masalah kekurangan tenaga pengajar, tetapi mereka boleh diambil dari negara-negara maju.

Katanya jika ini dapat dilakukan, negara-negara NAM mampu menjimatkan wang dan wang yang dibelanjakan di universiti negara-negara membangun dapat digunakan untuk usaha-usaha mengeratkan hubungan dan persefahaman rakyat negara-negara berkenaan.

Faedah

Mengenai penubuhan Suruhanjaya Selatan yang dicadangkan oleh Malaysia, Perdana Menteri berkata banyak negara anggota menyokongnya sebagai usaha mengatasi isu ekonomi dan pembangunan.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, daripada perbincangannya dengan pemimpin negara-negara anggota NAM, ramai antara mereka masih ingin mengetahui apakah sebenarnya maksud penubuhan suruhanjaya itu dan apakah faedah

yang boleh mereka dapati daripadanya.

Beliau menegaskan Malaysia mahukan suruhanjaya itu menjadi badan bebas yang tidak terikat dengan mana-mana kerajaan, institusi atau individu dan oleh itu Malaysia tidak setuju ia dijadikan sebahagian daripada resolusi persidangan.

Katanya bekas Presiden Tanzania, Dr Julius Nyerere sebagai Pengerusi suruhanjaya itu, diberi hak memilih mereka yang akan menjadi anggota suruhanjaya berkenaan.

"Kita berpendapat mereka yang akan dilantik itu hendaklah daripada tokoh-tokoh yang tidak berkhidmat dengan mana-mana kerajaan, tetapi mempunyai status intelektual yang tinggi," ujarnya.

Mengenai isu Kampuchea, Perdana Menteri menjelaskan banyak negara anggota bersetuju dan menyokong pendirian Malaysia supaya ia diselesaikan secara politik secepat mungkin.

"Bagaimanapun kita kecewa kerana kerusi Kampuchea masih dikosongkan walaupun tidak ada syarat yang membolehkan ia dibuat demikian," katanya.